

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PERKHIDMATAN CEMERLANG KAKITANGAN
PEJABAT KESIHATAN DAERAH KUBANG PASU
Lokasi : PEJABAT KESIHATAN JITRA, KEDAH
Tarikh : 04-01-1983

Saya bersyukur dan berbangga kerana dapat bersama-sama di Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan Cemerlang untuk kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Kubang Pasu pada petang ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Kesihatan Kubang Pasu kerana menjemput saya untuk berucap sepetah dua di majlis ini dan seterusnya untuk menyampaikan Sijil-Sijil Perkhidmatan Cemerlang.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat tahun baru. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan memasuki tahun baru ini dengan penuh azam dan tekad untuk berbakti kepada masyarakat dan negara dengan seberapa upaya dan memainkan peranan masing-masing bagi membina satu negara yang maju dan bersatu padu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Penduduk Daerah Kubang Pasu boleh dikatakan amat beruntung kerana mendapat berbagai projek pembangunan, diantaranya termasuklah beberapa projek dan aktiviti kesihatan. Pada tahun 1954, sebuah Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar telah didirikan di Jitra ini dengan tujuan untuk melatih para kakitangan perkhidmatan kesihatan.

Pusat Latihan Kesihatan Luar Bandar telah juga dibina yang menjadikan daerah ini sebagai salah satu pusat utama dalam bidang latihan kakitangan perkhidmatan kesihatan luar bandar di negara kita. Untuk melicinkan lagi perkhidmatan kesihatan bagi penduduk tempatan di sini, sebuah Pejabat Kesihatan Daerah pula dibina.

4. Dalam tahun 1960an, Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar, Jitra telah memperkenalkan 'tandas curah Jitra' yang merupakan satu ciptaan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Raja Ahmad Noordin.

Juga berbagai jenis dan cara pam air telah diperkenalkan di sini. Satu seminar yang penting, iaitu Seminar Kebangsaan Pembangunan Luar Bandar, telah juga diadakan di Sekolah Abdul Halim, Jenan, untuk membincangkan masalah-masalah luar bandar termasuklah kesihatan.

5. Beberapa rancangan kesihatan terus dilaksanakan atau dianjurkan di daerah ini pada tahun 1970an. Sekumpulan siswa-siswi Universiti Malaya mula menjalani latihan dalam bidang kesihatan luar bandar di Jitra hinggalah kini.

Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar, Jitra juga telah memulakan kursus-kursus Jururawat Desa untuk bidan-bidan Kerajaan supaya mereka dapat memperluaskan dan meningkatkan tugas-tugas mereka kepada rakyat desa.

6. Saya yakin ramai dari kita yang masih ingat dengan rancangan membasmi malaria yang merupakan salah satu rancangan kesihatan yang utama di negara kita dahulu di mana Daerah Kubang Pasu telah dipilih sebagai kawasan pelancarannya, bersama-sama dengan Perlis dan Langkawi.

Wabak malaria di negara ini perlulah di awasi, kerana sekiranya wabak ini berulang, ianya membawa akibat yang buruk kepada kesihatan rakyat, khasnya kepada rakyat luar bandar, dan juga mengakibatkan kerugian kepada negara.

7. Apa yang telah saya sebut tadi merupakan sebahagian sahaja dari berbagai projek dan rancangan di kawasan ini dan saya yakin tuan-tuan dan puan-puan tentu dapat melihat ataupun mengalami perubahan-perubahan yang berlaku setakat ini. Sebagai bekas Pegawai Kesihatan Daerah ini, saya berbangga dengan projek-projek dan kemajuan rancangan-rancangan kesihatan di daerah ini. Apatah lagi kepada tuan-tuan dan puan-puan, yang bersama-sama memainkan peranan bagi perkembangan dan pembangunan kesihatan di daerah ini. Saya berpendapat Daerah Kubang Pasu ini boleh dan perlu dijadikan sebuah daerah contoh dari segi kesihatan, sekiranya semua pihak memberi kerjasama dan bertugas dengan penuh tanggungjawab.

8. Dalam bidang sosio-ekonomi pula, Kerajaan telah menggalakkan penduduk kampung menjalankan sendiri perusahaan kecil bagi memperolehi pendapatan tambahan. Beberapa orang dari kaum wanita daerah ini telah dihantar ke Kuala Lumpur, ke Pantai Timur dan ke Bangkok untuk menjalani latihan menjahit dan membuat berbagai jenis kraftangan di bawah projek Karyaneka. Saya percaya dengan segala usaha pembangunan yang dianjurkan oleh Kerajaan melalui berbagai agensinya, daerah Kubang Pasu akan menjadi lebih maju lagi jika terdapat semangat dan tekad yang lebih kuat di kalangan penduduk daerah ini.

9. Dalam usaha kita memupuk semangat dan tekad yang lebih kuat itu, kita janganlah malu meneliti dan meniru mana yang sesuai mengenai sikap dan nilai positif dari negara asing. Negara-negara yang pesat maju, seperti Jepun dan Korea, berjaya membangun dengan pesat kerana rakyat mereka mempunyai nilai-nilai dan sikap-sikap yang positif dan membina. Mereka menumpukan taat setia kepada negara dan pemimpin yang jujur. Mereka rajin dan berdisiplin menjalankan tugas dan taat kepada majikan. Mereka juga mengutamakan kebersihan, pelajaran, dan sentiasa mencari pengalaman baru. Seperti yang telah diterangkan oleh pemimpin-pemimpin negara kita dari masa ke masa, sifat-sifat yang bernilai tinggi itu adalah unsur utama untuk kita maju -- maju atas daya usaha sendiri. Saya yakin ramai penduduk daerah ini telah menerap semangat itu, dan sekiranya kita dapat meningkatkan daya usaha kita untuk membangun, daerah ini akan maju lebih pesat lagi pada masa hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Pemimpin-pemimpin negara kita menyeru supaya kita mengamalkan kepimpinan melalui tauladan atau 'leadership by example'. Bagi agensi-agensi Kerajaan, ketua-ketua boleh menunjukkan contoh yang

baik, cekap, amanah dan tekun kepada kakitangan. Cara ini bukan sahaja senang diikuti atau dicontohi oleh kakitangan, tetapi cara ini juga menanam perasaan hormat di kalangan mereka terhadap ketua-ketua.

Sekiranya contoh-contoh yang murni diamalkan di kalangan kakitangan perkhidmatan kesihatan keseluruhannya, saya percaya contoh-contoh yang murni itu akan menarik hati orang ramai, terutama pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan.

Sekiranya kita juga dapat menunjukkan dedikasi terhadap kerja, layanan yang teratur dan cuba memahami masalah pesakit-pesakit, maka pesakit-pesakit juga akan menghormati kakitangan perkhidmatan kesihatan, mengikut nasihat-nasihat, bahkan mengelakkan diri dari melakukan sesuatu yang terkeluar dari amalan kesihatan yang baik.

11. Selaras dengan cita-cita pemimpin supaya kita menunjukkan contoh-contoh yang murni, Kementerian Kesihatan telah melancarkan 'Gerakan Mesra', yang antara lain bertujuan meningkatkan lagi imej Kementerian Kesihatan dan seluruh kakitangannya dengan harapan rakyat negara ini akan memberi sambutan yang baik ke atas setiap usaha dan perkhidmatan kesihatan di negara ini. 'Gerakan Mesra' merupakan juga satu langkah menanam sikap positif dan membaja semangat bekerja sebagai 'satu pasukan' di kalangan kakitangan Kementerian Kesihatan. Usaha-usaha menjalinkan hubungan rapat antara mereka supaya bekerja sebagai satu pasukan dijayakan juga melalui aktiviti-aktiviti sukan dan kebajikan. Di samping itu, ianya akan dapat merapatkan hubungan antara Kementerian Kesihatan dengan jabatan dan agensi Kerajaan lain, terutama jabatan dan agensi yang mempunyai hubungan rapat dengan kesihatan. Satu lagi tujuan penting 'Gerakan Mesra' ialah menjalinkan hubungan mesra antara kakitangan perkhidmatan kesihatan dengan para pesakit dan orang ramai. Adalah diharapkan semua kakitangan kesihatan akan meningkatkan pemahaman mengenai masalah pesakit dan keluarga mereka, bertimbang rasa dan insaf, serta menggunakan kebijaksanaan semasa bertugas.

12. Saya yakin usaha-usaha ke arah mencapai cita-cita Gerakan Mesra ini akan mengurangkan teguran-teguran dan aduan dari rakyat, bahkan akan meningkatkan perasaan hormat mereka kepada kakitangan perkhidmatan kesihatan keseluruhannya. Sebagai seorang doktor, saya akan turut berbangga apabila kita dapat mencapai cita-cita murni Gerakan Mesra itu, insyaAllah. Saya sedar cita-cita 'Gerakan Mesra' ini mungkin tidak dapat dicapai dalam jangka pendek, tetapi saya mempunyai keyakinan penuh bahawa pegawai dan kakitangan kesihatan di negara kita ini dapat membenih dan membaja semangat dan cita-cita Gerakan itu dari masa ke semasa.

13. Saya telah menyatakan tadi bahawa aktiviti-aktiviti sukan dan kebajikan adalah di antara usaha bagi mencapai cita-cita supaya semua kakitangan kesihatan bekerja sebagai satu pasukan yang mempunyai hubungan rapat dan saling faham memahami antara satu sama lain. Bagi menggalakkan sikap positif, tekun dan amanah dalam perkhidmatan kesihatan pula, kita memberi pengiktirafan kepada perkhidmatan yang cekap, bersih dan amanah, serta tekun dan berhemah tinggi. Majlis penyampaian Sijil-sijil Perkhidmatan Cemerlang seperti ini adalah satu pengiktirafan ke atas perkhidmatan yang dihargai itu.

14. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kakitangan yang berjaya dianugerahkan Sijil-sijil Perkhidmatan Cemerlang ini, semoga penganugerahan sijil-sijil ini akan

menggalakkan penerima-penerimanya bekerja lebih kuat lagi pada masa hadapan. Majlis seumpama ini akan dapat memberi galakan kepada semua kakitangan yang lain supaya meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Saya akhiri ucapan saya ini dengan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Kesihatan Kubang Pasu kerana memberi peluang untuk saya berucap di majlis ini, serta bertemu dan menyampaikan Sijil-sijil Perkhidmatan Cemerlang kepada pemenang-pemenang.

Terima kasih.